

17/01/2003

Perubahan Umno untuk tumbang lawan

KOTA BHARU: Perubahan drastik dalam Badan Perhubungan Umno Kelantan disifatkan satu usaha untuk melihat Umno negeri ini kembali diterima rakyat dan mampu mencapai kemenangan dalam pilihan raya umum akan datang.

Pada masa yang sama, perubahan dibuat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, itu juga dilihat sebagai menyambut kehendak rakyat yang mahu kepemimpinan Umno negeri ini bersatu, di samping memberi peluang kepada muka baru yang kebolehan.

Bekas Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Annuar Musa, berkata apa yang penting sekarang ialah untuk memastikan Umno menang dalam pilihan raya umum akan datang.

Katanya, perubahan yang dilakukan itu juga hasil perbincangan bersama dengan presiden parti khususnya membabitkan kehendak rakyat terhadap Umno Kelantan.

"Jadi, Umno (Kelantan) cuba respon kepada kehendak rakyat supaya rakyat berilah peluang kepada Umno dalam pilihan raya akan datang.

"Ini parti politik... yang penting parti kena menang bukan kumpulan kabilah nak tengok individu menang.

"Kalau kita nak tengok parti menang, kita kena ada pengorbananlah. Soal siapa datang, siapa pergi (pemimpin) tu... tak perlu jadi isu kerana ini (perubahan dalam perhubungan) mestilah dianggap sebagai sebahagian daripada strategi parti," katanya ketika diminta mengulas mengenai perubahan barisan kepemimpinan Badan Perhubungan Umno Kelantan yang diumumkan Perdana Menteri, semalam.

Mengulas kedudukan beliau sebagai Timbalan Pengerusi Perhubungan yang kini digantikan oleh Ketua Umno bahagian Kota Bahru, Zaid Ibrahim, Annuar berkata, beliau secara peribadi menerima baik perubahan yang dilakukan Dr Mahathir terhadap barisan kepemimpinan Perhubungan Umno Kelantan.

"Saya sudah 12 tahun memegang jawatan Timbalan Pengerusi Perhubungan dan amat wajar digantikan dengan orang baru.

"Walaupun saya tidak lagi Timbalan Pengerusi Perhubungan, saya masih ahli badan perhubungan dan Ketua Umno bahagian (Peringat) dan ahli Majlis Tertinggi (MT)," katanya.